



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MALAYSIA TERUS KOMITED MEMPERKASA HAK KANAK-KANAK MELALUI PENGLIBATAN DI BAWAH KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK (CRC)

PUTRAJAYA, 22 MEI 2026: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah menganjurkan program *A Journey of Malaysia's Participation under the Convention on the Rights of the Child* yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Program tersebut dihadiri oleh Duta-Duta Besar, Pesuruhjaya Tinggi, wakil pertubuhan antarabangsa serta wakil diplomatik asing di Malaysia sebagai platform untuk berkongsi perjalanan dan komitmen Malaysia dalam melaksanakan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child – CRC*) sejak penyertaan Malaysia pada tahun 1995. Dalam ucapan beliau, YB Menteri menegaskan bahawa komitmen Malaysia terhadap CRC bukan sekadar memenuhi obligasi pelaporan antarabangsa, malah menjadi pemangkin kepada pengukuhan dasar, perundangan dan sistem perlindungan kanak-kanak secara berterusan di negara ini.

Sehingga kini, Malaysia telah melaksanakan 21 penambahbaikan termasuk pindaan dan penggubalan undang-undang berkaitan perlindungan kanak-kanak, keselamatan dalam talian, eksploitasi seksual kanak-kanak, perlindungan saksi kanak-kanak serta perkara berkaitan kewarganegaraan. Malaysia juga telah melancarkan Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara 2026 - 2030 bagi memperkukuh pendekatan perlindungan, pembangunan dan kesejahteraan kanak-kanak secara lebih menyeluruh dan inklusif.

Majlis ini turut menyaksikan pelancaran buku *The Continuing Covenant: Malaysia's Journey Under the Convention on the Rights of the Child* yang mendokumentasikan perjalanan Malaysia di bawah CRC termasuk perkembangan dasar, cabaran semasa serta usaha berterusan Kerajaan dalam memperkasa hak dan kesejahteraan kanak-kanak.

Buku tersebut mencerminkan komitmen berterusan Malaysia bahawa usaha melindungi dan memperkasa kanak-kanak merupakan satu tanggungjawab bersama antara Kerajaan, masyarakat sivil, komuniti antarabangsa dan seluruh lapisan masyarakat.

Program ini turut mengetengahkan pencalonan YBhg. Dato' Yasmeeen Shariff sebagai calon Malaysia bagi keanggotaan *Committee on the Rights of the Child* (CRC) bagi penggal 2027–2031 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). YBhg. Dato' Yasmeeen Shariff mempunyai pengalaman luas dalam bidang hak kanak-kanak, bantuan kemanusiaan dan kerjasama antarabangsa termasuk pernah menganggotai *Committee on the Rights of the Child* (CRC) di bawah PBB bagi penggal 2013 - 2017. Pencalonan ini mencerminkan komitmen berterusan Malaysia untuk terus menyumbang secara aktif kepada agenda hak kanak-kanak di peringkat global.

KPWKM akan terus komited memperkukuh kerjasama strategik bersama pelbagai pihak termasuk kementerian dan agensi kerajaan, masyarakat sivil, rakan pembangunan serta komuniti antarabangsa dalam memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia mendapat perlindungan, peluang dan masa depan yang lebih baik.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, YBrs. Encik Mohd Daud bin Mohd Arif, Timbalan Ketua Setiausaha (Hal Ehwal Pelbagai Hala) Kementerian Luar Negeri, YBhg. Dato' Dr. Ahmad Faisal Muhamad, Para Duta dan Perwakilan Asing serta Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
22 MEI 2026**